

CNS0137

U PB 20-10 00131 BD450

bah

Mahathir - CHOGM

MALAYSIA MAHU KOMANWEL TANGANI MASALAH DUNIA

VALLETTA (Malta), 20 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia mahu Komanwel, sebagai sebuah pertubuhan antarabangsa, membincangkan perkembangan semasa dunia.

Malaysia, katanya, mempunyai beberapa perkara yang dirasakan perlu diutarakan pada peringkat Komanwel.

Antara perkara mendesak ialah mengenai isu Bosnia-Herzegovina, kata beliau kepada wartawan Malaysia sebelum berlepas ke Cyprus untuk menghadiri Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) selepas lawatan rasmi dua hari ke Malta.

Dr Mahathir berkata Malaysia boleh memainkan peranan untuk menjadikan Komanwel, satu gabungan longgar yang dianggotai Britain dan 50 negara bekas jajahannya, lebih berkesan.

Beliau berkata Malaysia mempunyai pelbagai cadangan ke arah ini, misalannya dalam bidang pemindahan teknologi. -- Lagi

♥20/10/19-30MST

CNS0144

U PB 20-10 00100 BD451

bah

Mahathir - CHOGM 2 (Akhir) Valletta

Malaysia telah diminta mempengerusikan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pembentukan semula CHOGM.

Selepas persidangan akhbar itu, Dr Mahathir dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas ke Cyprus dengan sebuah pesawat yang disewa khas.

Pesawat Falcon Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang dinaiki dari Kuala Lumpur terpaksa ditinggalkan di London dalam perjalanannya ke Malta akibat masalah teknikal.

Semasa di sini, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan Presiden Malta Dr Censu Tabone dan rakan sejawatannya Eddie Fenech-Adami. -- Bernama

WAH AKD